

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini.

Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

Insurans Liabiliti Produk

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layar www.pidm.gov.my).

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini melindungi liabiliti undang-undang anda untuk membayar gantirugi ke atas kecederaan atau kerosakan harta benda yang dialami oleh pihak ketiga disebabkan oleh kecacatan produk yang dibekalkan, diagihkan atau yang dijual. Liabiliti disebabkan oleh kecacatan produk boleh timbul disebabkan oleh kecuaian di dalam proses pengeluaran, rekaan, simpanan, bungkusan ataupun pemasaran termasuk informasi produk seperti memberi gambaran yang salah, kegagalan memberi amaran atau arahan penggunaan.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Insurans Liabiliti Produk menyediakan indemniti terhadap pengeluar, pengagih atau pembekal produk terhadap apa-apa potensi dedahan liabiliti. Pencadang perlu menetapkan had indemnity bersesuaian yang setaraf dengan potensi dedahan liabiliti. Had Wilayah yang dilindungi adalah bergantung kepada di mana produk itu dipasarkan atau diekspot.

Liabiliti Produk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah (termasuk kos dan lain-lain perbelanjaan) yang Pihak Diinsuranskan akan menanggung untuk membayar sebagai pampasan kerosakan ke atas kejadian yang berlaku di mana-mana di dalam Had Wilayah ke atas kecederaan atau kehilangan atau kerosakan harta benda berpuncak dari tuntutan yang dibuat secara bertulis terhadap Pihak Diinsuranskan semasa tempoh polisi disebabkan oleh kemalangan selepas Tarikh Retroaktif.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui insurans anda setiap tahun dengan menghantar borang cadangan yang lengkap untuk pertimbangan pembaharuan.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitan seperti produk yang akan dilindungi, anggaran hasil jualan, had wilayah dan kuasa undang-undang, had indemnity dan ekses.

Kadar untuk sesuatu produk bergantung kepada dedahan risiko yang boleh disabitkan. Sebagai contoh, Liabiliti Produk untuk barang elektrik adalah lebih tinggi daripada barang plastik.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Cukai Perkhidmatan yang berkenaan

Anda berkewajipan membayar apa-apa cukai yang dikenakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Duti dan Cukai Perkhidmatan) yang dikenakan oleh pihak berkuasa Cukai Malaysia berhubung dengan Polisi anda.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans,

- keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu pihak kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Setiap permohonan mestilah dihantar bersama-sama dengan borang cadangan yang lengkap, risalah dan sijil perakuan.
- Anda harus memaklumkan pihak kami atau pengantara insurans anda dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.
- Anda tidak harus mengakui, menawar, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada pihak kami.

Polisi tahunan ini tertakluk kepada Waranti Premium. Sila pastikan anda membayar premium dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Liabiliti Kontraktual
- Risiko perang dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuclear
- Jaminan Produk
- Panggilan balik produk
- Kerosakan terhadap produk itu sendiri
- Denda, penalti, gantirugi kecairan, gantirugi punitive atau tuntutan teladan

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan tempoh insurans belum tamat tertakluk kepada premium minimum pihak kami.

8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting anda memaklumkan The Pacific Insurance Berhad mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan atau butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans Liabiliti Produk, anda boleh hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau layari www.pacificinsurance.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

The Pacific Insurance Berhad
 40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
 (P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
 Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian bebas tol: 1800 88 1629
 E-mel: customerservice@pacificinsurance.com.my Laman Web: www.pacificinsurance.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

Tiada.

11. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....
 Tandatangan

NOTA PENTING:

1. Anda harus membaca dan memahami Polisi Insurans dan berbincang dengan Ejen Insurans atau hubungi The Pacific Insurance Berhad untuk maklumat lanjut.
2. Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 7 Dec 2020.
3. The Pacific Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.